



Rujukan Kami : SUK.Ps.03/ 412 (70)  
Tarikh : 25 Mei 2026

**SEPERTI DI SENARAI EDARAN**

Tuan/ Puan,

**MOHON UNTUK MENGGUNAKAN PAPAN KENYATAAN JABATAN BAGI TUJUAN MEMPAMERKAN IKLAN SEBUT HARGA TAHUN 2026**

Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (BPPH), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis akan mengeluarkan **SATU (1)** tawaran sebutharga untuk dipamerkan sebagaimana iklan di **Lampiran**.

3. Sehubungan itu, kerjasama Tuan/ Puan adalah dimohon agar dapat mempamerkan kenyataan iklan sebut harga di papan kenyataan jabatan Tuan/ Puan seperti berikut:

Bil	Iklan	Tempoh
1	SBH.BPPH 12/2026	25 Mei 2026 – 12 Jun 2026

4. Perhatian Tuan/ Puan berikan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU”**  
**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PERLISKU BESTARI BERKAT LESTARI”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NORHAFIZA BINTI YOB OSMAN)**

Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah  
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

## **SENARAI EDARAN**

1. Setiausaha Bahagian, Bahagian Pentadbiran Daerah (BPD),  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
2. Pengarah  
Majlis Sukan Negeri (MSN)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
3. Pengarah  
Jabatan Kerja Raya (JKR), Negeri Perlis
4. Pengarah  
Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Negeri Perlis
5. Pengarah  
Pejabat CIDB Negeri Perlis
6. Pengarah  
Pusat Khidmat Kontraktor Cawangan Negeri Perlis



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (BPPH)  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS  
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa bagi Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan masih SAH untuk melaksanakan kerja seperti yang berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	GREED & KOD BIDANG	LAWATAN TAPAK	TARIKH PENGAMBILAN DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH AKHIR SERAHAN DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA	BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA
SBH.BPPH 12/2026	KERJA-KERJA PEMBAIKAN UNIT RUMAH RPA SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	GREED G1  KATEGORI B  PENGKHUSUSAN B24	TIADA LAWATAN TAPAK  NAMUN, BOLEH DILAKSANAKAN OLEH PEMILIK LESEN (1 ORANG SAHAJA) BAGI MENGETAHUI LOKASI KERJA DENGAN MENGAMALKAN LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN YANG TELAH DITETAPKAN	MULAI 4 JUN 2026 (KHAMIS)  HINGGA  11 JUN 2026 (KHAMIS)  DI: KAUNTER BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (BPPH), ARAS 2, BLOK A, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS (PADA WAKTU PEJABAT SEBELUM JAM 4.00 PETANG)	12 JUN 2026 (JUMAAT)  SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI	RM20.00  SECARA TANPA TUNAI (E-BAYAR)  (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)  (ebayar.perlis.gov.my)

2. Satu (1) penyebutharga hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga dan menggunakan satu (1) tawaran sahaja.
3. Selain daripada itu, Kontraktor juga perlu membawa dokumen asal (bagi tujuan pengesahan) dan menyerahkan dokumen salinan kepada Pentadbiran ini sebelum dokumen sebut harga diberikan. Dokumen-dokumen tersebut adalah:
- RESIT BAYARAN SEBUTHARGA
  - KAD PENGENALAN;
  - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB);
  - SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT/ PERNIAGAAN (SSM);
  - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK); DAN
  - SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK).
4. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis No. Sebutharga di sebelah kiri sampul dan ditengahnya ditulis tajuk sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (BPPH) Aras 2, Blok A Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis, Persiaran Wawasan, 01000 Kangar**, tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI PADA 12 JUN 2026 (JUMAAT)**. Sebut harga yang dihantar melebihi jam **12.00 TENGAHARI** akan **DITOLAK**.
5. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran. Pentadbiran ini juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai sebut harga ini, boleh berhubung dengan Pegawai yang terlibat di talian **04-9731874**.

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (BPPH),  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS  
b.p.: SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**TARIKH : 25 MEI 2026**

